



JABATAN PERDANA MENTERI  
KUALA LUMPUR

Telefon: 201957

KAWAT: PERDANA

Ruj. Kami: PM.11954/88/(5)

Tarikh: 12 hb. Disember, 1984.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 8 TAHUN 1984

SKIM SUMBANGAN AMAL JARIAH

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai Skim Sumbangan Amal Jariah bagi kakitangan yang beragama Islam.

2. Skim ini adalah dikelolakan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan akan dibuat melalui potongan gaji bulanan atas persetujuan ikhlas kakitangan berkenaan.

3. Matlamat dan latar belakang skim ini adalah seperti yang dilampirkan dan pihak tuan adalah diminta menggalakkan pegawai dan kakitangan yang beragama Islam untuk menyertai skim ini. Segala pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dikemukakan kepada:-

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam,  
Bangunan Pusat Islam,  
Jalan Lembah,  
KUALA LUMPUR.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

  
( TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED )  
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

## **Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM)**

YPEIM adalah sebuah Yayasan yang telah diperbadankan di bawah Trustee Incorporation Act 1952 dengan Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanahnya dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 13hb. Oktober, 1976. Untuk mengemaskan pentadbiran dan meluaskan bidang aktiviti, YPEIM telah disusun semula dan dilancarkan pada 20hb. Julai, 1984. Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, telah melantik sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang baru mengandungi 15 orang ahli terdiri dari kalangan ulama, ahli-ahli professional pengurusan dan pelaburan, Ketua-Ketua Majlis Ugama, dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan.

2. Matlamat utama YPEIM ialah untuk mengumpul sebanyak mungkin sumbangan amal jariah, derma dan sedekah dari semua pihak, serta mengurus dan melaburkan harta yang terkumpul itu bagi mengembangkannya lagi, dengan matlamat akhir untuk menggunakan punca-punca pendapatan dan harta tersebut bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti amal jariah dan kebajikan dalam negara ini dengan cara yang berperancangan dan teratur serta terus meningkat dari masa kesemasa.

3. Selaras dengan matlamat utama seperti yang dinyatakan di atas, YPEIM akan melaksanakan fungsi-fungsinya seperti berikut:-

- (a) Menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mengumpul sebanyak mungkin sumbangan amal jariah, derma dan sedekah dari semua pihak;
- (b) Menjalankan aktiviti-aktiviti pelaburan dengan menggunakan bahagian-bahagian tertentu dari wang dan harta yang terkumpul pada tiap-tiap tahun dengan tujuan mengembangkan lagi harta tersebut;
- (c) Menjalankan aktiviti-aktiviti bagi meninggikan syiar Islam serta amal jariah dan kebajikan dalam bidang-bidang pelajaran, sosial, ekonomi dan kebajikan umat Islam khususnya dengan menggunakan bahagian-bahagian yang tertentu dari harta yang terkumpul dan dari hasil yang diperolehi dari pelaburan pada tiap-tiap tahun.

### **Skim Sumbangan Amal Jariah**

4. Skim Sumbangan Amal Jariah Melalui Potongan Gaji Bulanan Secara Sukarela dikalangan kakitangan sektor awam adalah merupakan aktiviti pungutan derma yang sulung dan terpenting yang akan dilaksanakan oleh YPEIM. Pemikiran mengenai skim ini telah dibincang dan diputuskan oleh Badan Perunding Islam, dan YPEIM telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakannya.

5. Di bawah skim ini kakitangan Kerajaan yang beragama Islam di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Persekutuan, Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun/Syarikat-Syarikat Kepunyaan Kerajaan adalah diminta memberi persetujuan secara ikhlas dan sukarela supaya gaji bulanan mereka dipotong sekurang-kurangnya \$1.00 (Satu Ringgit) sebulan sebagai sumbangan amal jariah kepada YPEIM. Potongan gaji ini akan dibuat pada peringkat persediaan gaji di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun.

6. Borang Persetujuan untuk diisi oleh semua kakitangan berkeenaan serta risalah penerangan yang bersangkutan akan dihantar terus oleh YPEIM kepada semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun pada awal bulan Januari 1985.

7. Adalah dirancangan kakitangan berkeenaan akan diminta mengisi Borang Persetujuan dan mengemukakannya kepada Ketua-Ketua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun sebelum 31hb. Januari, 1985.